

A *rise* Series

# ALEX MENGUNJUNGI AYAH



Digambarkan Oleh N.M. Lokman

## Mengenai Penulis

Buku ini ditulis oleh sekumpulan penuntut Politeknik Nanyang dari Diploma Sains Sosial (Kerja Sosial), dengan kerjasama daripada Persatuan Jagaan Susul Singapura (SACA).

Pelajar-pelajar ini adalah:

Ho Chen Mun, Vivian  
Low Zi Ying  
Muhammad Safwan Sallehan Bin Mohamad Ishak  
Nor Djannah Binti Djohan  
Stacey Soh Jie Wei  
Stephanie Chay  
Tan Peishan  
Vinosha Sivanathan



Reintegrating through **I**nspiration, **S**upport, and **E**mpowerment

## Pengiktirafan

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan untuk penerbitan ini. Terima kasih atas sokongan, kesabaran dan bimbingan yang tidak berbelah bagi dalam sepanjang perjalanan kami ini. Kami telah memperoleh banyak tunjuk ajar yang tidak ternilai harganya daripada pihak-pihak yang berikut:

Terima kasih kepada **Politeknik Nanyang** kerana membantu kami melaksanakan projek yang amat kami percaya akan manfaatnya. Tanpa sokongan Politeknik Nanyang, projek ini tidak mungkin akan berjaya.

Terima kasih kepada **Persatuan Jagaan Susul Singapura (SACA)** atas sokongan dan bimbingan mereka berterusan sepanjang penerbitan buku ini. Kerjasama dengan mereka amat memanfaatkan bukan sahaja untuk penerbitan buku ini tetapi juga untuk pembelajaran kami. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada **Aishikin, Mingjie, dan Prem** kerana meluangkan masa dan dedikasi mereka kepada kami dan juga telah menaruh kepercayaan yang sepenuhnya kepada kami.

Kami juga terhutang budi kepada **Saraswathi Raja Krishnan** atas bimbingannya sebagai seorang penyelia. Kesabaran dan dorongan beliau terhadap usaha kami dalam melaksanakan Projek Tahun Akhir kami amat kami hargai.

Terima kasih atas bimbingan beliau untuk meningkatkan ilmu pengetahuan kami dalam sektor perkhidmatan sosial dan mempertingkatkan perkembangan kami sebagai pelajar, individu dan Perkerja Sosial Bersekutu pada masa mendatang.

Titipan penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada **Saudari Nursabrina Md L**, pelukis grafik kami yang telah berjaya menghidupkan watak-watak di dalam buku kami biarpun jadual sehariannya sebagai seorang pelajar di jurusan Diploma dalam Animasi amat padat.


Sekalung penghargaan ditujukan khas buat penyunting kami, **Encik Djohan Bin Abdul Rahman**. Terima kasih kerana mengetepikan masa anda dengan murah hati untuk memastikan buku ini terhasil dengan sebaik mungkin.

Akhir sekali, kami juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada **Jasmine Yap** kerana sudi membantu kami untuk mereka logo utama kami dalam cetakan ini, sesuatu yang kami pasti kami tidak mampu lakukan sendiri.

Kelas Alex sedang bersiap-sedia untuk membuat sebuah persembahan. Mereka akan menyanyi dan menari.

“Sebagaimana yang awak semua tahu, persembahan kami akan menjelang tiba. Setiap seorang akan menerima dua keping tiket. Awak bolehlah menjemput ibu bapa awak!” kata Puan Singh. Kelas Alex bersorak keghairahan.

Namun... Alex tidak pasti sama ada ayahnya boleh menghadirkan diri untuk menyaksikan persembahan itu.





Sewaktu Puan Singh sedang mengagihkan tiket-tiket itu, kawan Alex, Irfan, bertanya: “Mama dan Papa awak datangkah?”

“Mama saya kata, Papa saya ada di tempat lain. Saya tidak tahu sama ada dia akan pulang,” kata Alex.

“Oh, dia berada di mana?” tanya Irfan.

“Saya benar-benar tidak tahu, Mama saya tidak memberitahu saya apa-apa,” kata Alex.

“Bagaimanakah awak boleh tidak tahu di mana Papa awak?” balas Irfan.

Mendengar kata-kata Irfan, Alex berasa dirinya seperti terasing dengan kawan-kawannya yang lain...



2

Alex berasa sangat teruja ketika dia menunjukkan tiket-tiketnya kepada ibunya. Kemudian, Alex pun bertanya, “Mama, bolehkah saya menelefon Papa agar Papa dapat datang dan tonton persembahan saya?”

“Tidak boleh, Papa tiada di sini,” kata Mama.

“Kalau begitu bolehkah saya menghantarnya mesej melalui telefon?” tanya Alex.

“Tidak boleh,” balas Mama.

“Mengapa?” tanya Alex dengan perasaan keliru.

Mama berkata dengan tegas, “Sebab Mama kata tidak boleh.”



3

Sudah lama sejak Papa tiada di rumah.  
Di manakah Papa? Mengapakah dia tidak  
pulang ke rumah?

Kini Mama terlalu sibuk bekerja dan Mama tiada masa  
untuk bermain dengan saya seperti dahulu. Mama juga  
jarang masak di rumah. Mama sering kelihatan letih.

Kadang kala Mama sedih dan kadang kala dia akan  
marah-marah.

Mengapakah Mama tidak mahu memberitahu saya  
apa-apa?



Keesokan harinya, Alex bermain bersama kawan-kawannya  
seperti biasa. Namun, pada hari itu, mereka berkelakuan aneh.  
Irfan telah memberitahu semua orang perkara-perkara buruk  
tentang ayah Alex, dan kini mereka mengusik Alex. Mereka  
berkata bahawa ayah Alex tidak boleh hadir persembahan  
mereka kerana dia tidak mengambil berat tentang diri Alex.

Alex tersinggung.

Dia tertanya-tanya jika ayahnya benar-benar tidak  
ambil berat tentang dirinya.



Pada ketika itu, Alex dan kawan-kawannya  
tidak perasan bahawa Puan Singh telah  
memerhatikan kejadian itu.





Puan Singh memberitahu Alex bahawa dia telah terlihat kawan-kawannya mengusiknya tadi. Dia ingin tahu apakah masalah yang dihadapi Alex.

Dengan rasa marah bercampur sedih, Alex pun berkata, "Sudah lama Papa saya tidak pulang ke rumah. Saya tidak tahu ke mana dia pergi dan Mama pula tidak mahu memberitahu saya apa-apa. Adakah Papa saya sudah tiada?"



Pada sebelah petang, Puan Singh menelefon ibu Alex.



Apabila Alex pulang ke rumah, ibunya memberitahu Alex bahawa Puan Singh telah menelefonnya tentang kejadian yang telah berlaku di sekolah. Ibu Alex ingin tahu perasaan Alex.

"Di manakah Papa? MENGAPA MAMA TIDAK MAHU MEMBERITAHU SAYA?" Alex bertanya. Mama membuat keputusan untuk memberitahu Alex tentang kisah sebenarnya.

"Papa berada di dalam penjara kerana dia telah melanggar undang-undang<sup>1</sup> dan perlu menjalani hukumannya. Maafkan Mama kerana tidak memberitahu Alex awal-awal lagi," jelas ibu Alex.


"Ini bukan salah Alex. Kejadian yang berlaku ke atas diri Papa, sama seperti ketika Alex makan di dalam kelas walaupun Alex tahu yang hal itu tidak dibenarkan. Maka Puan Singh mendenda Alex, bukan?"

Alex berasa bingung. Apa itu penjara?



<sup>1</sup> Undang-undang ialah peraturan yang harus dipatuhi oleh semua orang yang tinggal di sesebuah negara. Jika mereka melanggar undang-undang itu, mereka akan dihukum.

Tambah ibu Alex lagi, “Penjara ialah tempat tahanan bagi orang yang membuat perkara yang tidak baik. Papa hanya akan berada di situ buat seketika sahaja agar Papa sedar akan perbezaan melakukan perkara yang betul dan perkara yang salah. Papa masih sayangkan Alex dan Alex akan jumpa Papa tidak lama lagi.”



Malam itu, Alex tidak boleh tidur. Berjuta soalan bermain di fikirannya.

Bagaimanakah keadaan di dalam penjara?


Adakah Papa selamat di dalam penjara?

Adakah Papa mempunyai kawan?

Adakah Papa berada dalam ketakutan?

Mama berkata bahawa Papa akan pulang tidak lama lagi, tetapi Alex mahu menjumpa Papa pada waktu itu juga.

Alex sangat merindui ayahnya.





Minggu berikutnya, Alex dan ibunya telah pergi untuk berjumpa dengan Puan Singh di sekolah. Mereka berbual tentang perasaan Alex dan cara-cara yang boleh diambil agar Alex berasa kurang tertekan. Mereka bekerjasama untuk menghasilkan sebuah senarai yang penuh dengan cara-cara untuk membantu Alex.



## SENARAI CARA MENGATASI TEKANAN<sup>2</sup>

1. **TULIS** ATAU **LUKIS**  
PERASAAN SAYA
2. **BERSUKAN**
3. **BERBUAL** DENGAN SESEORANG  
YANG **DIPERCAYAI**:
  - KAUNSELOR
  - ORANG DEWASA
  - TEMAN AKRAB
  - PERKHIDMATAN TINKLE FRIEND
4. **TULIS** SURAT KEPADA PAPA
5. CARI **HOB**I YANG BARU
  - MELUKIS
  - MEMBACA
  - MENARI

<sup>2</sup> Kamu boleh rujuk kepada "RISE: Buku Panduan untuk Ahli Keluarga Pesalah Kali Pertama" bagi penerangan lanjut mengenai cara-cara yang boleh diambil untuk membantu anak-anak mengatasi masalah sebegini.



Alex telah menulis surat kepada ayahnya dan Alex berasa amat gembira apabila dia menerima surat balasan daripada ayahnya.



Alex mula berkongsi perasaannya bersama ibunya. Perbuatan sebegini membantu Alex berasa tenang dan lega.



Alex mula bersukan dan dia berjaya membuat kawan baru. Alex tidak lagi berasa sepi.



Alex melukis apabila dia tidak tahu bagaimana untuk meluahkan perasaannya.



Satu hari, ibu Alex bertanya kepada Alex, "Mahukah Alex menziarahi Papa?"

"AKHIRNYA! SAYA MAHU! Mari kita pergi sekarang juga!" Alex menjawab dengan penuh ghairah.

Namun, ibu Alex menjelaskan bahawa mereka tidak boleh menziarahi ayahnya pada bila-bila masa sahaja.



Mereka hanya boleh menziarahinya dua kali sebulan. Ini membuat Alex berasa sedih tetapi dia masih tidak sabar untuk bertemu dengan ayahnya.



Sebelum mereka boleh menziarahi ayah Alex, ibunya harus memilih tarikh yang sesuai terlebih dahulu. Kini Alex tahu hari yang mereka akan pergi berjumpa Papa.

Alex diberitahu yang mereka hanya boleh berjumpa dengan ayahnya selama 20 minit sahaja. Memandangkan masa yang singkat, Alex harus menyediakan perkara yang dia mahu katakan kepada ayahnya. Alex juga boleh menulis surat dan meletakkannya di peti surat yang berada di kawasan lawatan. Alex harus melalui sebuah mesin imbasan badan sebelum dia boleh masuk ke dalam penjara kerana dia tidak dibenarkan membawa apa-apa bersamanya.



Alex berasa amat teruja kerana harinya sudah tiba untuk Alex dan ibunya pergi berjumpa dengan ayahnya. Alex berasa tidak sabar untuk bertemu dengannya.



Di sana, Alex dan ibunya perlu menantikan giliran mereka. Sementara Alex menunggu dengan sabar, banyak perkara bermain di fikirannya.

Bagaimanakah kelihatan Papa sekarang? Adakah Papa mempunyai kawan? Adakah Papa rindu saya?



Alex berasa gementar kerana dia harus menjalani pemeriksaan keselamatan.







Mereka menantikan kedatangan ayah Alex. Pada mulanya, Alex berasa pelik kerana terdapat sebuah panel gelas yang memisahkan ayahnya dengan dirinya. Disebabkan panel gelas itu, Alex tidak dapat memeluk ayahnya. Alex juga tidak boleh menyentuh ayahnya. Dia hanya boleh berbual bersamanya.

Walau bagaimanapun, Alex masih berasa teruja untuk berjumpa dengan ayahnya. Apabila ayahnya memasuki bilik itu, Alex telah berkongsi segala-galanya dengan ayahnya – daripada rasa rindu hingga ke watak kartun kegemarannya. 20 minit kemudian, mereka terpaksa berpisah.



Pada lawatan-lawatan berikutnya, kadang kala Alex akan berjumpa dengan ayahnya di dalam bilik lawatan itu. Kadang kala pula, Alex akan berbual dengan ayahnya melalui skrin televisyen. Kaedah ini dipanggil ziarahan secara tele-persidangan.

Sukar bagi Alex untuk meninggalkan ayahnya setiap kali dia harus pulang. Namun, Alex tahu bahawa satu hari nanti, ayahnya akan pulang juga ke rumah untuk tinggal bersamanya.

Walaupun ayahnya harus tinggal di penjara buat sementara waktu lagi, Alex kini berasa gembira kerana dia tahu yang ayahnya masih menyayanginya.




## Rujukan

- De Masi, M. E., Benson, D. A., & Bohn, C. T. (2010). *Children with Incarcerated Parent: A Journey of Children, Caregivers and Parents in New York City*. Retrieved from <http://ccf.ny.gov/files/2413/7968/3887/ChildIncarceratedParents.pdf>
- Eccles, J. E. (1999). The Development of Children Ages 6 to 14. *The Future Of Children*, 9(2), 30-42. doi:10.2307/1602703
- Harris, A. (2014). *Supporting your child when a parent is in jail*. Retrieved May 21, 2017 from [https://tgn.anu.edu.au/wp-content/uploads/2014/10/Supporting-yourchild-when-a-parent-is-in-jail\\_0.pdf](https://tgn.anu.edu.au/wp-content/uploads/2014/10/Supporting-yourchild-when-a-parent-is-in-jail_0.pdf)
- Jarrati, C. J. (2011, September 25). *Helping Children Cope with Separation and Loss*. Retrieved June 6, 2017 from [https://childdevelopmentinfo.com/childpsychology/anxiety\\_disorders\\_in\\_children/helping\\_children\\_cope\\_with\\_separation/#.VXA6g9N976Z](https://childdevelopmentinfo.com/childpsychology/anxiety_disorders_in_children/helping_children_cope_with_separation/#.VXA6g9N976Z)
- Murray, J., & Farrington, D. P. (2008). The Effects of Parental Imprisonment on Children. *Crime and Justice: A Review of Research*, 37, 133-206. doi:0192-3234/2008/0037-0002
- Nesmith, A., & Ruhland, E. (2008). Children of incarcerated parents: Challenges and resiliency, in their own words. *Children and Youth Services Review*, 30(10), 1119-1130. doi:10.1016/j.childyouth.2008.02.006
- Parke, R. D., & Clarke-Stewart, K. A. (2002). Effects of Parental Incarceration on Young Children. Paper presented at the "From Prison to Home" Conference, Bethesda, MD. Retrieved from <https://aspe.hhs.gov/basic-report/effects-parentalincarceration-young-children>
- Prison Fellowship. (2014, March 24). FAQs About Children of Prisoners. Retrieved May 21, 2017 from [https://www.prisonfellowship.org/resources/trainingresources/family/ministry-basics/faqs-about-children-of-prisoners/#children\\_feelings](https://www.prisonfellowship.org/resources/trainingresources/family/ministry-basics/faqs-about-children-of-prisoners/#children_feelings)
- Sesame Workshop. (2013, April 30). *Little Children, Big Challenges: Incarceration*. Retrieved April 26, 2017 from [http://www.sesamestreet.org/sites/default/files/media\\_folders/Images/Incarceration\\_Guide.pdf](http://www.sesamestreet.org/sites/default/files/media_folders/Images/Incarceration_Guide.pdf)
- Singapore After-Care Association. (2016). Effects of Parental Incarceration on Children: Considerations for Singapore. *Singapore After Care Association*. Retrieved from [www.saca.org.sg/resources/ck/files/.../lit\\_scan3\\_children\\_of\\_incarcerated\\_parents.pdf](http://www.saca.org.sg/resources/ck/files/.../lit_scan3_children_of_incarcerated_parents.pdf)
- Snyder, M. G. *How to Explain Prisons and Jails to Children*. Retrieved from [http://www.ambassadorsforhope.com/aa\\_how\\_to\\_explain\\_prisons\\_and\\_jails\\_to\\_children\\_lancaster\\_version.pdf](http://www.ambassadorsforhope.com/aa_how_to_explain_prisons_and_jails_to_children_lancaster_version.pdf)
- The National Resource Center on Children and Families of the Incarcerated. (2016, November 28). *Children of Incarcerated Parents Library*. Retrieved July 2, 2017 from <http://nrccfi.camden.rutgers.edu/resources/library/children-of-prisonerslibrary/>
- Wyse, J. (n.d.). *A Guide to Helping Children with a Parent in Prison*. Retrieved from [http://www.sbbh.pitt.edu/files/audio/podcasts%202113%20fall%202010/Hlpng\\_Chldr\\_n\\_w\\_Prnt\\_in\\_Prison\\_Wyse.pdf](http://www.sbbh.pitt.edu/files/audio/podcasts%202113%20fall%202010/Hlpng_Chldr_n_w_Prnt_in_Prison_Wyse.pdf)

Untuk keterangan lanjut cara-cara untuk membantu anak anda, sila rujuk:

“RISE: Buku Panduan Untuk Ahli Keluarga Pesalah Kali Pertama”

“1045 HARI: Diari Seorang Remaja Lelaki”



---

Di manakah ayah Alex?

Alex tidak tahu mengapa ibu Alex tidak memberitahunya apa-apa.

Mengapakah Alex merasa seperti ini?

Apakah yang boleh Alex lakukan untuk melegakan dirinya?

Tidak lama lagi, dengan bantuan orang di sekelilingnya, Alex akan mendapat tahu...

---



Dengan kerjasama:

